

04/10/2002

Keputusan muktamad guna bahasa Inggeris belum dibuat

MELAKA, Khamis - Kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kerana masih meneliti sama ada akan mengecualikan sekolah tertentu daripada pelaksanaannya atau tidak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, memang menjadi hasrat kerajaan untuk melaksanakan dasar itu di semua peringkat sekolah tanpa sebarang pengecualian tetapi masalahnya mungkin ada sekolah yang tidak dapat melaksanakan pengajaran dua subjek itu dalam bahasa Inggeris.

"Yang itu kita nak tengok (kajian lanjut). Kalau boleh kita nak bagi kepada semua. Tapi mungkin ada sekolah yang tak dapat menggunakan. Tapi kalau nak ikut hasrat kita, kita nak bagi kepada semua (sekolah)," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Dunia Melayu Islam ketiga 2002 di sini, hari ini.

Kelmarin, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad mengumumkan bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi tahun satu akan dilaksanakan pada Mac depan dan bermula Januari 2003 bagi sekolah menengah.

Perdana Menteri menjelaskan, apa yang dinyatakan oleh Musa itu bukan keputusan muktamad, sebaliknya ia berkisar kepada kemampuan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakannya secara berperingkat mulai tahun depan.

Katanya, keputusan muktamad akan dibuat oleh Kabinet kerana ia membabitkan semua jurusan.

Ditanya bila keputusan itu dijangka dibuat, beliau berkata: "Kita sedang kaji, ini bukan perkara yang mudah, perkara ini susah. Kita nak buat sesuatu yang lebih besar. Kalau kita tak ada persiapan yang cukup, kita tak kaji kemampuan kita, mungkin kita buat sesuatu yang akan merugikan penuntut."

Isu itu turut dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Isnin lalu dan beliau sendiri sudah menerima laporan hasil mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tetapi laporan berkenaan bukan sesuatu keputusan.

Mengenai kemungkinan apa yang diumumkan oleh Musa bahawa pelaksanaannya dilakukan secara berperingkat iaitu pada Mac tahun depan bagi sekolah rendah dan Januari untuk sekolah menengah, menggambarkan keputusan muktamad nanti, beliau berkata:

"Kita tak ada masa. Jadi saya ingat itulah barangkali akhir-akhirnya kita akan putus. Tapi saya sedang kaji dan perkara yang lain mungkin dilaksanakan," katanya.

Ditanya kemungkinan berlaku pindaan apabila kerajaan membuat keputusan muktamad nanti, Dr Mahathir berkata, kerajaan menghadapi masalah kerana sekolah aliran Cina tidak bersetuju (dilaksana pada peringkat sekolah rendah).

"Tapi ada pula yang bersetuju, ramai juga yang bersetuju. Ibu bapa bersetuju supaya digunakan bahasa Inggeris daripada tahun satu, tapi guru-guru tak senang hati takut mereka tercicir dan macam-macam lagi. Ada politik pula yang bawa soal budaya, bangsa, bahasa dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, niat kerajaan adalah untuk kebaikan semua terutama bagi orang Melayu yang lemah bahasa Inggeris kerana tanpa bahasa asing itu, mereka tidak akan dapat mengejar banyak ilmu pengetahuan.

Beliau berkata, tidak mungkin banyak buku yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

"Sebaliknya, kalau kita menguasai bahasa Inggeris, semua ilmu ini dapat kita capai secara langsung. Kalau nak terjemah, kita perlu kepada orang yang fasih dalam bahasa Melayu, fasih dalam bahasa Inggeris dan juga pakar dalam bidang berkaitan. Kalau ahli sastera nak terjemah buku sains, dia tak boleh buat dan kita tidak ada orang.

"Jadi kalau kita belajar bahasa Inggeris, maka kita akan dapat capaian kepada semua ilmu. Tetapi bila kita nak buat macam ini, ada orang yang kata, kita tidak sayang kepada bahasa.

"Sebenarnya, kita sayang kepada bahasa. Bahasa bangsa yang lemah, yang tidak maju, tidak akan dipedulikan oleh sesiapa pun. Tetapi bahasa bangsa yang maju akan dikejar oleh orang lain dan kita sendiri juga akan kejar," katanya.